



## PROGRAM KESIHATAN SEPANJANG HAYAT DI KAMPUNG SUNGAI MATA KOTA SAMARAHAN - HGD133 KHIDMAT KOMUNITI

Nurizavaizura Zidiee

Pada 8 Jun 2024, seramai 40 orang pelajar yang mengambil kod kurikulum HGD133 yang diselia oleh Puan Nuriza Vaizura binti Zidiee telah mengadakan Program Kesihatan Sepanjang Hayat di Kampung Sungai Mata, Kota Samarahan. Tujuan program adalah untuk menerapkan kesedaran tentang kepentingan menjaga kebersihan persekitaran di kampung sekaligus dapat membina ukhwah antara para pelajar UiTM Cawangan Sarawak dan penduduk kampung tersebut.

Program bermula dengan aktiviti senamrobik yang disertai oleh seramai 40 orang kanak-kanak dan 15 orang dewasa. Sekitar jam 9.00 pagi, aktiviti mural, pertandingan mewarna, aktiviti mengutip sampah sekitar kampung, sesi temu bual bersama Syarikat Pawida dan slot ceramah yang disampaikan oleh saudara Danish Nabil, pelajar UiTM Cawangan Sarawak tentang tips menghadapi peperiksaan melalui penggunaan T-Notes dijalankan secara serentak.

AJK pelajar untuk aktiviti membuat mural di bahagian hadapan dinding pintu utama dewan kampung manakala aktiviti mewarna yang melibatkan kanak-kanak telah berlangsung di Pusat Rangkaian Internet kampung tersebut

Aktiviti temu bual bersama Syarikat Pawida turut dijalankan dengan objektif untuk syarikat tersebut berkongsi ilmu perniagaan, pemasaran dan latar belakang sejarah penubuhan Syarikat Pawida. Daripada sesi temubual ini, mereka yang hadir dapat memperoleh ilmu perniagaan, langkah penting untuk memulakan perniagaan dan resipi kejayaan syarikat ini untuk menjadi sumber inspirasi untuk memulakan perniagaan sendiri pada suatu hari kelak.

Pada sebelah petang, aktiviti diteruskan dengan sukaneka yang telah berlangsung di hadapan Dewan Serbaguna Kampung Sungai Mata. Aktiviti sukaneka ini disertai oleh kanak-kanak dan warga belia kampung dengan sambutan penyertaan yang lebih ramai. Kebanyakan penduduk kampung menjalankan kegiatan ekonomi seperti penanaman kelapa sawit, menjual pucuk midin dan ada yang bekerja sendiri. Aktiviti sukaneka turut menjadi wadah bagi penduduk kampung untuk bertanya tentang kelayakan syarat kemasukan untuk melanjutkan pengajian ke UiTM, yang secara tidak langsung memperkenalkan UiTM Cawangan Sarawak kepada penduduk kampung.



Program ini diakhiri dengan majlis penyampaian hadiah yang dihadiri oleh jemputan tetamu khas iaitu penghulu, ketua kampung serta pemilik Syarikat Pawida untuk memberi penghargaan atas kerjasama dalam menjayakan program ini.

Antara hasil Impak positif program ini adalah para pelajar mempelajari Kemahiran berkomunikasi dan pengurusan program khidmat Komuniti selain dapat mewujudkan jalinan dengan penduduk kampung dan meningkatkan tahap keyakinan peserta untuk berhadapan dengan orang ramai. Diharapkan agar program ini dapat diteruskan kerana terbukti program ini mendapatkan maklum balas yang baik daripada pelbagai pihak di Kampung Sungai Mata, Kota Samarahan

